

Sedimentologi dan analisis fasies batuan Paleozoik Akhir di kawasan Panching, Pahang

**KAMAL ROSLAN MOHAMED, CHE AZIZ ALI, MOHD SHAFEEA LEMAN &
IBRAHIM ABDULLAH**

**Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan**

Kawasan Panching di Pahang terdiri daripada batuan sedimen klastik dan juga batuan karbonat, dan telah dipetakan sebagai sebahagian daripada Kumpulan Kuantan. Kumpulan Kuantan di sini telah dibahagikan kepada tiga formasi iaitu Formasi Charu yang paling tua, diikuti oleh Formasi Batu Kapur Panching, dan Formasi Sagor yang paling muda. Daripada data lapangan dan analisis fasies terhadap batuan daripada ketiga-tiga formasi ini, lapan fasies telah dikenalpasti dan satu korelasi jujukan sedimen serta sejarah pengendapan telah ditafsirkan. Kajian ini menunjukkan bahawa kesemua fasies yang ditemui telah dihasilkan oleh proses-proses pengendapan di sekitaran laut cetek. Jujukan batuan yang terdapat di kawasan Panching terbentuk pada masa Karbon Awal di sekitaran laut cetek, tidak jauh daripada sistem delta atau muara sungai. Lautan cetek ini dapat dibahagikan kepada beberapa sub-sekitaran seperti pulau penghalang, pesisir, alur muara, lepas pantai serta sekitaran karbonat, dan ditafsirkan bahawa pengendapan sedimen dalam kesemua sub-sekitaran ini berlaku serentak.